BUKU TEKS PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL

Bahagian A: Takaful Asas dan Takaful Perubatan Dan Kesihatan





PERSATUAN TAKAFUL MALAYSIA

BUKU TEKS PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL (TBE)

Bahagian A: Takaful Asas dan Takaful Perubatan dan Kesihatan

EDISI 2022

Hak Cipta © 2022 oleh Persatuan Takaful Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, atau dihantar dalam apa jua bentuk dengan apa-apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penulis.

Buku ini dijual tertakluk kepada syarat bahawa ia tidak boleh, melalui perdagangan atau sebaliknya, dipinjamkan, dijual semula, disewakan atau diedarkan tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada penulis dalam apa-apa bentuk mengikat atau menutup selain daripada yang diterbitkan dan tanpa syarat yang sama termasuk syarat ini dikenakan ke atas pembeli berikutnya.

Diterbitkan oleh:

Persatuan Takaful Malaysia
Tingkat 21, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Diedit dan Dihasilkan oleh:

ACTIVE PERFORMANCE CONSULTING SDN. Bhd.
o. 17, Jalan Telawi 8, Bangsar Baru, 59100 Kuala Lumpur (898600-A)

KANDUNGAN **Laman**

BAB 1: ASAS-ASAS SYARIAH DAN *MU'ĀMALĀT*

1.0 PENGENALAN **6**

1.1 KONSEP *ISLĀM* **6**

1.2 SUMBER *SHARĪ'AH* **8**

1.3 OBJEKTIF-OBJEKTIF *SHARĪ'AH* (*Maqāṣid al Sharī'ah*) **8**

1.4 PRINSIP-PRINSIP ASAS *MU'ĀMALĀT* **9**

1.5 KONSEP KONTRAK DALAM *MU'ĀMALĀT* **10**

SOALAN PENILAIAN **13**

BAB 2: PENGENALAN KEPADA TAKAFUL DAN INSURANS

2.0 PENGENALAN **14**

2.1 DEFINISI TAKAFUL **14**

2.2 MANFAAT TAKAFUL **15**

2.3 KONSEP INSURANS **16**

2.4 MANFAAT INSURANS **17**

2.5 RESOLUSI *SHARĪ'AH* MENGENAI INSURANS **17**

2.6 UNSUR-UNSUR YANG DILARANG DALAM INSURANS **18**

2.7 PERBANDINGAN TAKAFUL DAN INSURANS **23**

SOALAN PENILAIAN **24**

BAB 3: KONSEP RISIKO DALAM TAKAFUL

3.0 PENGENALAN **25**

3.1 KLASIFIKASI RISIKO **26**

3.2 KONSEP RISIKO DALAM TAKAFUL **26**

3.3 JENIS-JENIS RISIKO TULEN **28**

3.4 PERIL DAN BAHAYA **30**

3.5 PENGURUSAN RISIKO DI BAWAH SHARIAH **31**

3.6 PROSES PENGURUSAN RISIKO **32**

SOALAN PENILAIAN **36**

Hak cipta @ MTA 2022

KANDUNGAN **Laman**

BAB 4: PRINSIP ASAS BERKAITAN KONTRAK TAKAFUL

4.0 PENGENALAN **37**

4.1 PRINSIP ASAS YANG MEMPENGARUHI KONTRAK TAKAFUL **36**

SOALAN PENILAIAN **45**

BAB 5: KONTRAK-KONTRAK KOMERSIAL DAN MODEL-MODEL OPERASI TAKAFUL

5.0 PENGENALAN **46**

5.1 KONTRAK-KONTRAK KOMERSIAL TAKAFUL **46**

5.2 JENIS-JENIS MODEL OPERASI TAKAFUL DAN KEGUNAANNYA **47**

SOALAN PENILAIAN **53**

BAB 6 : PENGANTARA TAKAFUL

6.0 PENGENALAN **54**

6.1 JENIS-JENIS PERANTARA TAKAFUL **54**

6.2 TINGKAH LAKU EJEN **56**

6.3 TANGGUNGJAWAB-TANGGUNGJAWAB EJEN **56**

6.4 HAK-HAK EJEN **57**

6.5 KEWAJIPAN PRINSIPAL **57**

6.6 REMEDI PRINSIPAL **57**

6.7 PENAMATAN AGENSI **58**

6.8 KELAKUAN EJEN YANG DILARANG **58**

SOALAN PENILAIAN **60**

BAB 7: TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

7.0 PENGENALAN **62**

7.1 KATEGORI TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN (MHT) **62**

7.2 JENIS-JENIS PERLINDUNGAN **63**

7.3 CIRI-CIRI TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN **65**

7.4 LANGKAH-LANGKAH PEMBENDUNGAN KOS **66**

7.5 KEMASUKAN HOSPITAL "TANPA TUNAI" **68**

Hak cipta @ MTA 2022

KANDUNGAN	LAMAN
7.6 STANDARD MINIMUM PENDEDAHAN PRODUK DAN KETELUSAN DALAM PEMASARAN PELAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN	69
7.7 TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN BERKELOMPOK	70
7.8 PEMBAHARUAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN	71
7.9 PEMBAYARAN SUMBANGAN	72
PENILAIAN	73
BAB 8: PEMBANGUNAN DAN PENYELIAAN INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA	
8.0 PENGENALAN	75
8.1 PERUNDANGAN MALAYSIA, RANGKA KERJA KAWAL SELIA DAN PERLINDUNGAN PENGGUNA	75
8.2 PERLINDUNGAN KEWANGAN PENGGUNA, ADUAN DAN PERTIKAIAN	78
8.3 PERKEMBANGAN DAN PEMATUHAN *SHARĪ'AH*	80
PENILAIAN	82
BAB 9: KAWAL SETIA KENDIRI INDUSTRI	
9.0 PENGENALAN	83
9.1 PERSATUAN INDUSTRI	83
9.2 ORGANISASI UTAMA YANG MENYOKONG INDUSTRI TAKAFUL	85
9.3 INSTITUSI PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	86
9.4 PERSATUAN LAIN YANG MENYOKONG INDUSTRI	86
PENILAIAN	88
GLOSARI TERMA TAKAFUL KELUARGA	90
JAWAPAN KEPADA SOALAN PENILAIAN KENDIRI	94

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 1: ASAS-ASAS SHARIAH DAN *MU'ĀMALĀT*

HASIL PEMBELAJARAN

Selepas membaca bab ini, anda akan dapat:

- Memahami konsep *Sharī'ah* dan aplikasinya dalam Takaful.
- Memahami 'bagaimana' konsep kontrak ***Mu'āmalāt*** membawa kepada penciptaan kontrak Takaful.

1.0 PENGENALAN

Perkataan '*Islām*' di dalam Bahasa Arab bermaksud 'penyerahan'. Dalam konteks agama, ia bermaksud penyerahan sepenuhnya kepada kehendak *Allāh SWT. Islām* bukanlah agama semata-mata tetapi adalah "*ad-dīn*", yang bermaksud 'cara hidup'. Ia meliputi dimensi material serta rohani dalam kewujudan manusia. *Allāh SWT* menekankan kesempurnaan *Islām* dalam ayat *Al-Quran* berikut ;

> ***Allāh SWT* berfirman:**
>
> *"Pada hari ini telah Aku menyempurnakan agamamu untukmu, dan telah Aku cukupkan nikmat-Ku bagimu, dan telah Aku redai Islam sebagai agamamu."*
>
> *(Al-Maidah: 3)*

1.1 KONSEP *ISLĀM*

Unsur-unsur utama *Islām* terdiri daripada *'Aqīdah* (kepercayaan), *Sharī'ah* (undang-undang) dan *Akhlāq* (kod moral). Ini diterangkan dengan terperinci di bawah:

1.1.1 *'Aqīdah*

'Aqīdah secara harfiah bermaksud simpulan. *'Aqīdah* secara amnya merujuk kepada kepercayaan yang teguh terhadap asas ke*islāman* yang mengutamakan rukun *Imān*. Ia adalah sistem kepercayaan yang memerlukan tahap keimanan dan penerimaan tertinggi tanpa sebarang keraguan. Iman ini (*'Aqīdah*) diasaskan atas kepercayaan Keesaan *Allāh SWT*, Malaikat-malaikat-Nya, Rasul-rasul-Nya, Kitab-kitab-Nya, Akhirat dan Qadr-Nya. Dari asas ini berputik keseluruhan konsep *Islām*, peraturan dan undang-undang seperti yang dijelaskan dalam *Al-Quran* dan melalui Kenabian.

1.1.2 *Akhlāq*

Ia merujuk kepada amalan kebajikan, akhlak, dan adab dalam teologi dan falsafah Islām. Ia terdiri daripada hubungan antara manusia dan *Allāh SWT*, manusia dan manusia, dan, manusia serta makhluk lain.

Hak cipta @ MTA 2022

1.1.3 *Sharī'ah*

Sharī'ah adalah peraturan-peraturan yang berasal daripada Al-Quran dan Sunnah, iaitu tradisi Nabi Muhammad (SAW) dan pendapat ilmiah (*Ijtihād*) yang berdasarkan *Al-Quran* dan *Sunnah*. Konsep *Sharī'ah* adalah untuk mentadbir manusia dalam menjalani kehidupan untuk merealisasikan kehendak Ilahi, dan ia meliputi aspek tingkah laku, rohani, mental dan fizikal kehidupan. Oleh itu, prinsip-prinsip *Sharī'ah* merangkumi keseluruhan cara hidup termasuk iman, amalan, tingkah laku individu serta transaksi undang-undang dan sosial.


Sharī'ah merangkumi subjek undang-undang Islām yang dipanggil *Fiqh. Fiqh* dihuraikan sebagai kefahaman manusia tentang hukum peraturan Islam. *Syari'ah* merangkumi perkara-perkara berikut:

- *Fiqh 'Ibādat*: Ia adalah hubungan antara manusia dan Allah (SWT). Ini termasuk solat (*ṣalāh*), puasa (*saum*), sedekah (*zakāh*), dan menunaikan haji (hajj).

- *Fiqh Munākahāt*: Ini berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan. Bahagian ini merangkumi perkahwinan, perceraian, pewarisan harta pusaka, penjaga dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

- *Fiqh Jināyat*: Ini berkaitan dengan undang-undang jenayah. Bahagian ini berkaitan dengan kesalahan-kesalahan utama seperti, mencuri (*sarīqah*), pembunuh (qatl), persetubuhan tanpa nikah (zina) dan lain-lain.

- *Fiqh Mu'āmalāt*: Ini merangkumi peraturan yang mengawal transaksi komersial antara pihak-pihak dalam transaksi tersebut.



Rajah 1.1*: Bahagian Utama Islām*

Hak cipta @ MTA 2022

1.2 SUMBER *SHARĪ'AH*


Terdapat empat sumber undang-undang *Sharī'ah*. Iaitu:

- *Al-Quran* yang terdiri daripada firman Allah SWT yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (SAW).
- *Sunnah* yang merujuk kepada semua yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad (SAW) termasuk tingkahlakunya, kata-kata nya dan apa sahaja yang dibenarkan olehnya.
- *Ijmā'* adalah sumber undang-undang Islām dan mesti dipatuhi oleh seluruh masyarakat Islām. Ia terhasil daripada persetujuan antara *mujtahidūn* (pakar hukum) dari kalangan masyarakat Nabi Muhammad SAW (SAW) selepas kemangkatan Baginda.
- *Qiyās* adalah lanjutan daripada keputusan *Sharī'ah* dari kes asal kepada kes baru, kerana kes yang baru mempunyai sebab dan kesan yang sama seperti yang asal tetapi dalam keadaan yang berbeza. Ia boleh diterjemahkan sebagai analogi.

1.3 OBJEKTIF-OBJEKTIF *SHARĪ'AH* (*Maqāṣid al Sharī'ah*)

Maqāṣid ialah perkataan Arab yang bermaksud matlamat atau tujuan. Dalam konteks Islām, ia merujuk kepada tujuan keimanan dalam Islām.

Menurut seorang ulama Islām terkemuka iaitu Imam al-Ghazali, "objektif *Sharī'ah* adalah untuk mempertingkatkan kesejahteraan seluruh manusia, iaitu melindungi iman (*ad-dīn*), nyawa (*nafs*), akal (*'aql*), keturunan (*nasl*) dan kekayaan mereka (*māl*)". Perkara yang memastikan kesucian lima prinsip ini, akan memenuhi kepentingan awam, dan oleh itu wajar.



Rajah 1.2: Lima komponen *Maqāṣid* Shariah

Hak cipta @ MTA 2022

Lima komponen yang dinyatakan di atas diterangkan dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Penerangan lima *Maqāṣid al Sharī'ah*	
Agama	Pemeliharaan dan perlindungan iman atau agama *(ad-dīn)* dalam semua keadaan. **Sebagai contoh:** Mempertahankan agama Islām terutamanya jika ia dicemari oleh musuh-musuh *Islām*.
Nyawa	Pemeliharaan dan perlindungan kehidupan dalam semua keadaan. **Sebagai contoh:** Larangan meletakkan nyawa seseorang dalam keadaan yang membahayakan.
Akal	Pemeliharaan dan perlindungan akal dan minda dalam semua keadaan. Perlindungan minda bermaksud melindungi minda daripada apa-apa yang boleh membahayakan keupayaan dan fungsi otak. **Sebagai contoh:** Pengambilan alkohol boleh memudaratkan minda seseorang.
Keturunan	Pemeliharaan dan perlindungan keturunan dan kehormatan dalam semua keadaan. **Contoh**: *Islām* melarang zina atau tingkah laku tidak bermoral yang lain.
Kekayaan	Pemeliharaan dan perlindungan kekayaan iaitu harta benda, bukan harta benda, wang tunai, saham dan lain-lain melalui proses yang sah dalam semua keadaan. **Sebagai contoh:** Inisiatif dan perancangan pro-aktif dalam melindungi harta benda seseorang daripada kemalangan atau bencana.

1.4 PRINSIP-PRINSIP ASAS *MU'ĀMALĀT*

Sumber *Sharī'ah* yang berkenaan dengan operasi takaful adalah *Fiqh Mu'āmalāt.* Istilah "*mu'āmalāt*" bermaksud 'transaksi'. Ia meliputi sebarang urusan perdagangan di antara manusia untuk menyelesaikan keperluan harian mereka, yang berkaitan dengan perdagangan. Iaitu kegiataan sosio ekonomi.

Mazhab-mazhab yang utama (*Ḥanafī, Mālikī, Shāfi'ī* dan *Ḥanbalī*) berpendapat bahawa semua kegiatan ekonomi adalah dibenarkan selagi kegiatan tersebut tidak melanggar sebarang prinsip *Sharī'ah*.

Hak cipta @ MTA 2022

Bagi pematuhan *Sharī'ah* , prinsip-prinsip asas muamalat yang perlu dipatuhi dinyatakan dalam Jadual 1.2 di bawah.

JADUAL 1.2: Prinsip *Mu'āmalāt*	
Prinsip	**Penjelasan**
Peraturan Umum bagi Kebolehan	Semua perkara selain ritual dibenarkan sehingga terdapat bukti bahawa perkara tersebut adalah dilarang.
Persetujuan Bersama	Kontrak mesti dipersetujui bersama dan pihak-pihak yang terlibat hendaklah bebas daripada sebarang unsur paksaan (kekerasan), penipuan, salah nyata atau cara haram yang lain
Peredaran Kekayaan yang Luas	Harta dan harta benda harus dipindahkan secara aktif dari satu tangan ke tangan yang lain dan menyumbang kepada peredaran kekayaan di kalangan orang awam. Penimbunan kekayaan adalah dilarang.
Ketelusan dalam urusniaga komersial	Semua pihak dalam kontrak mesti jelas memahami terma dan syarat urusan mereka seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.
Keadilan dan Urusan yang Saksama	Kontrak mestilah adil dan saksama kepada semua pihak dalam perjanjian.
Adat adalah Berkuat Kuasa	Syarat kontrak yang mengikut adat adalah dibolehkan.
Kebebasan untuk berkontrak	Pihak yang terlibat boleh memasukkan syarat ke dalam perjanjian mereka. Walau bagaimanapun, mereka tidak dibenarkan melarang sesuatu yang dibenarkan atau membenarkan sesuatu yang terlarang di dalam kontrak.

1.5 KONSEP KONTRAK DALAM *MU'ĀMALĀT*

Undang-undang komersial dalam *Islām*, *fiqh al-mu'amalat*, dikawal selia oleh perundangan Islām dengan prinsip keadilan semula jadi sebagai asasnya. Asas kepada semua aktiviti komersial adalah melalui pembentukan kontrak (juga disebut sebagai '*aqad*).

Ulama Islām,Barbati, mentakrifkan "'*aqad*" (dalam kitabnya "*Inayah 'ala Fath al-Qadri*") sebagai:

"Hubungan sah yang diwujudkan dengan dua perisytiharan, yang menyebabkan ikatan perundangan mengenai perkara yang dimaksudkan".

Hak cipta @ MTA 2022

Untuk memasuki kontrak yang sah terdapat tiga (3) perkara yang perlu dipenuhi:

1. Pemberi tawaran dan Penerima tawaran (pihak yang berkontrak)

Adalah syarat kontrak yang sah bahawa satu pihak (offeror - pemberi tawaran) membuat tawaran kepada pihak lain (offeree - penerima tawaran). Kedua-dua pihak mesti mempunyai keupayaan untuk berkontrak. Keupayaan adalah kualiti yang menjadikan seseorang itu layak untuk memperoleh hak dan menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut kontrak. Supaya menjadi kompeten secara sah untuk memasuki kontrak, pihak yang terlibat mesti mempunyai keupayaan mental yang baik dan berada pada usia baligh.

2. Tawaran dan penerimaan

Untuk merasmikan kontrak, mesti terdapat tawaran (*Ijab)* oleh satu pihak (pemberi tawaran) dan penerimaan (*Qabūl)* tawaran yang sama oleh pihak lain (penerima tawaran). Kontrak boleh dibuat secara lisan, secara bertulis atau oleh kelakuan pihak yang menawar dan penerima


3. Perkara dan pertimbangan.

Kontrak mesti mempunyai perkara tertentu yang biasanya merujuk kepada barang atau perkhidmatan di dalam kontrak. Pertimbangan adalah sesuatu yang bernilai yang diganti dengan barang atau perkhidmatan tersebut. Dalam kebanyakan kes, pertimbangan adalah harga yang dibayar untuk barang atau perkhidmatan.

Hal perkara kontrak mestilah:

- Halal,
- wujud, kecuali penjualan penghantaran tertunda (*bay' al-salam*) dan kontrak pembuatan atau projek (*istisna* '),
- tidak direka (penipuan),
- boleh dilaksanakan,
- jelas diterangkan dalam kontrak, dan
- harga mesti ditentukan terlebih dahulu supaya tidak membawa kepada ketidakpastian.

Hak cipta @ MTA 2022



Rajah 1.3: Unsur-unsur penting dalam 'Aqad

Perbezaan antara kontrak Islām dengan konsep Barat ialah, tawaran dan penerimaan berlaku secara serentak pada masa dan tempat yang sama ('*majlis al-'aqd*'). Ini supaya mengelakkan sebarang kekaburan dan perselisihan faham berlaku di kemudian hari.

Kontrak Islām melarang tiga injunksi penting bagi menghapuskan eksploitasi dalam urus niaga dan mencegah kekayaan yang tidak adil. Ini adalah larangan terhadap *Ribā (faedah)*, *Gharār (ketidakpastian)* dan *Maysir (perjudian)* yang akan dibincangkan dalam Bab 2.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 1	SOALAN PENILAIAN

1. '*Aqīdah* secara amnya merujuk kepada kepercayaan yang teguh terhadap asas-asas *Islām* yang mengutamakan:

A. *Imān*
B. *Akhlāq*
C. *Jināyat*
D. tiada satu pun di atas adalah benar

2. Pilih kenyataan yang TIDAK BENAR.

A. *Fiqh 'Ibādat* adalah hubungan antara manusia dan *Allah* SWT.
B. *Fiqh Munākahāt* adalah hukum-hukum yang berkaitan dengan undang-undang keluarga.
C. *'Aqīdah* adalah berkaitan dengan tingkah laku komersial dan moral.
D. *Fiqh Jināyat* adalah hukum-hukum yang berkaitan dengan undang-undang jenayah.

3. *Maqāṣid* adalah perkataan Arab yang bermaksud matlamat atau tujuan dan ia merangkumi semua yang berikut KECUALI

A. Iman
B. Keturunan
C. Rasional
D. Kekayaan

4. Empat (4) sumber *Sharī'ah* adalah

A. *Al-Quran, Sunnah, Ijmā', Qiyās.*
B. *Al-Quran, Sunnah, Ijmā', 'Aqīdah.*
C. Qur'ān, Sunnah, Ijmā', 'Ibādat.
D. *Al-Quran, Sunnah, Ijmā', Munākahāt*.

5. Istilah *"mu'āmalāt"* merujuk kepada

A. perkara yang berkaitan dengan moral.
B. perkara yang berkaitan dengan perdagangan dan jual beli.
C. perkara yang berkaitan dengan tingkahlaku peribadi.
D. perkara yang berkaitan dengan konflik.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 2: PENGENALAN KEPADA TAKAFUL DAN INSURANS

HASIL PEMBELAJARAN

Selepas membaca bab ini, anda akan dapat:

- Memahami perbezaan antara takaful dan insurans.
- Memahami bagaimana unsur-unsur *Gharār, Ribā, Maysir* melarang insurans hayat bagi umat Islam.

2.0 PENGENALAN

Akta Takaful, 1984 telah digubal untuk membuka jalan bagi pengenalan dan pengawalseliaan perniagaan takaful di Malaysia. Sejak penubuhannya, industri takaful Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan pesat dan kini dianggap sebagai komponen penting dalam sistem kewangan Islām.

Sebelum tahun 1984, industri insurans hayat dikendalikan oleh syarikat insurans hayat konvensional. Pengenalan insurans di Malaysia bermula pada abad ke-18 dan ke-19, di mana firma perdagangan dan agensi bertindak sebagai ejen bagi syarikat insurans dari United Kingdom. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, terdapat usaha untuk menubuhkan syarikat insurans tempatan. Awal tahun 1960-an menyaksikan pertumbuhan banyak syarikat insurans hayat dan am. Kerajaan memperkenalkan Akta Insurans, 1963, di mana kelakuan dan pengawal setia industri insurans diletak dibawah Ketua Pengarah Insurans, Kementerian Kewangan.

Pada masa ini, pengawalseliaan dan penyeliaan perniagaan Takaful dan insurans dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islām, 2013 (rujuk 8.1.2 dalam Bab 8 untuk maklumat lanjut) dan Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013 masing-masing.

2.1 DEFINISI TAKAFUL

Perkataan "Takaful" berasal daripada kata kerja bahasa Arab *"Kafālah"* yang bermaksud jaminan bersama. Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islām 2013, Takaful ditakrifkan sebagai:


"Suatu perjanjian berdasarkan bantuan bersama, di mana peserta takaful bersetuju menyumbang kepada dana bersama yang menyediakan manfaat kewangan bersama, yang akan dibayar kepada peserta takaful atau waris mereka, apabila berlaku kejadian yang telah dipersetujui".

Sumbangan individu kepada tabung Takaful dipamggil *tabarru'* atau derma. Takaful berdasakan *Sharī'ah* atau undang-undang Islām, yang menerangkan bagaimana individu boleh bekerjasama dan melindungi sesama sendiri daripada malapetaka. Panduan ini menggalakkan:

- Tanggungjawab bersama
- Persaudaraan, dan
- Perpaduan masyarakat

Hak cipta @ MTA 2022

Ta'awun adalah kerelaan-hati untuk membantu individu lain tampa diminta dan hanya mengharapkan keredaan Allah (SWT) iaitu, bantuan sesama secara sukarela. Ia adalah asas kepada mekanisma perkongsian risiko dalam Takaful. Ia menggalakkan ketaqwaan dan kerjasama menuju amalan yang baik.



Rajah 2.1: Falsafah dan Konsep Takaful

2.2 MANFAAT TAKAFUL

Dari segi fizikal dan kewangan, berikut adalah faedah Takaful:-

- Ia menyediakan perlindungan kewangan dan keselamatan untuk keluarga terhadap kerugian kewangan yang disebabkan oleh kematian pencari nafkah. Ia menyediakan peluang untuk memastikan penyelenggaraan gaya hidup benefisiari berterusan.

- Ia memberikan perlindungan dan keselamatan kewangan kepada pemilik harta benda daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh kerosakan harta benda mereka.

- Ia membantu para peserta untuk menyediakan pendapatan yang mencukupi untuk diri mereka sendiri dan tanggungan mereka untuk mengekalkan taraf hidup mereka jika kecacatan kekal terjadi.

- Ia membantu mencegah kehilangan aset semasa, seperti harta kediaman dan pelaburan, disebabkan oleh perbelanjaan hospital dan perubatan.

- Ia membolehkan para peserta memenuhi kewajipan sosial mereka terhadap masyarakat dan keluarga.

Hak cipta @ MTA 2022

- Ia menyediakan bantuan kewangan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan asnaf melalui konsep *tabarru'* di mana sebahagian daripada sumbangan akan diagihkan kepada tabung risiko.

- *Zakāt* dan cukai korporat yang dibayar oleh Pengendali Takaful boleh digunakan untuk tujuan pembangunan masyarakat dan pembangunan negara.

Dari sesi rohani, manfaat takaful termasuklah:-

- Unsur *tabarru'* atau derma memberi peluang kepada peserta untuk mendapat keredaan, keberkatan dan ganjaran daripada *Allāh*. Menderma sebahagian daripada kekayaan mereka untuk tujuan membantu orang yang memerlukan akan dikira sebagai perbuatan baik di akhirat.

- Menggalakkan nilai-nilai moral dan urusan beretika dalam semua uurusniaga perniagaan dan operasinya kerana ia bebas daripada unsur-unsur yang dilarang oleh *Sharī'ah* iaitu *Ribā*, *Gharār* dan *Maysir*. Ia membantu para peserta untuk mendapat kejelasan dan ketenangan fikiran.

2.3 KONSEP INSURANS

Sebaliknya, konsep insurans pada dasarnya menyatakan bahawa sekumpulan individu yang terdedah kepada risiko yang sama membuat sumbangan (dipanggil premium) kepada penanggung untuk membina dana insurans. Oleh itu, insurans adalah kontrak jualan antara dua pihak, di mana penanggung insurans menjual perlindungan dan pihak yang diinsuranskan membayar premium. Ia adalah perantaraan di mana beban kewangan kemalangan dipindahkan dari pihak yang diinsuranskan kepada penanggung insurans. Tidak ada kerjasama atau persetujuan di antara orang yang diinsuranskan. Sekiranya seseorang mengalami kerugian atas berlakunya risiko yang dilindungi, dia diberi pampasan oleh penanggung insurans daripada wang dari dana.

Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, perniagaan insurans dibahagikan kepada dua kelas:

- Perniagaan hayat, iaitu termasuk semua jenis perniagaan insurans yang dijalankan sebagai sampingan hanya kepada perniagaan penanggung insurans hayat; Dan

- Perniagaan am, yang bermaksud semua perniagaan insurans yang bukan perniagaan hayat.

Kontrak insurans am adalah kontrak ganti rugi dan prinsip ini bertujuan untuk mengembalikan orang yang diinsuranskan dalam kedudukan kewangan yang sama seperti sebelum kemalangan berlaku. Jumlah yang diinsuranskan ditetapkan pada suatu tahap, yang akan memberikan pampasan yang mencukupi pada masa kerugian. Kontrak ganti rugi tidak meliputi insurans hayat dan insurans kemalangan diri.

Dalam Akta, insurans semula liabiliti polisi dianggap sebagai perniagaan insurans kelas dan perihalan yang mana polisi itu akan dimiliki jika ia telah dikeluarkan oleh penanggung insurans semula (maksudnya, ia diklasifikasikan sebagai samada perniagaan insurans hayat atau am).

Hak cipta @ MTA 2022

2.4 MANFAAT INSURANS

Dari segi fizikal dan kewangan, berikut adalah manfaat-manfaat insurans:-

- Ia menyediakan perlindungan kewangan dan keselamatan untuk keluarga daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh kematian pencari nafkah.

- Ia menyediakan perlindungan kewangan dan keselamatan bagi pemilik harta benda terhadap kerugian kewangan yang disebabkan oleh kerosakan harta benda mereka.

- Ia membantu para peserta untuk menyediakan pendapatan yang mencukupi untuk diri mereka sendiri dan tanggungan mereka bagi mengekalkan taraf hidup mereka jika kecacatan kekal berlaku kepada orang yang dilindungi.

- Ia membantu mencegah aset semasa seperti hartanah kediaman dan pelaburan daripada dikurangkan untuk membiayai perbelanjaan hospital dan perubatan.

- Cukai korporat yang dibayar oleh syarikat insurans boleh digunakan untuk tujuan pembangunan masyarakat dan pembangunan negara.

Dari segi peribadi dan rohani, insurans membantu mewujudkan ketenangan fikiran. Ini disebabkan kesedaran bahawa polisi yang dimiliki oleh pihak yang diinsuranskan, akan membantu keluarganya mengekalkan gaya hidup yang selesa dan melindungi mereka daripada kerugian kewangan sekiranya kematian, penyakit, kecacatan atau kerosakan harta benda berlaku.

2.5 RESOLUSI *SHARĪ'AH* MENGENAI INSURANS

Konsep insurans (seperti yang diamalkan pada masa ini) tidak menerima persetujuan daripada ulama Islām mengenai kebenarannya. Oleh itu '*Ijtihād*' telah digunakan untuk menentukan sama ada ia dibenarkan (*ḥalāl*) atau dilarang (*harām*).

2.5.1 Fatwa Melarang Insurans

1. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islām Malaysia, dalam mesyuaratnya pada 15 Jun 1972, telah membincang dan memperhalusi isu kebenaran insurans hayat.

Adalah disimpulkan bahawa:

"Insurans hayat yang disediakan oleh syarikat insurans hayat adalah transaksi perniagaan yang boleh dibatalkan disebabkan bercanggah dengan prinsip perniagaan Islām kerana ia mengandungi *unsur-unsur gharār, maysir* dan *ribā*. Oleh itu, dari *pandangan Sharī'ah*, insurans adalah *harām*".

Hak cipta @ MTA 2022

2.Akademi *Fiqh* Islām OIC

Akademi *Fiqh* Islām, yang berasal dari Pertubuhan Persidangan Islām, bermesyuarat untuk Sesi Kedua di Jeddah, Kerajaan Arab Saudi, dari 10 hingga 16 *Rabiulawal*, 1406 H (bersamaan dengan 22 - 28 Disember 1985). Kajian semula pembentangan yang dibuat oleh ulama yang mengambil bahagian semasa Sesi subjek 'Insurans dan insurans semula' telah dijalankan. Dengan memeriksa dengan teliti semua jenis dan bentuk insurans, prinsip-prinsip asas di mana mereka dibentuk, matlamat dan objektif mereka, dan apa yang telah dikeluarkan oleh Akademi *Fiqh* dan institusi-institusi lain dalam hal itu;

Telah disimpulkan bahawa:

"Kontrak Insurans Komersial, dengan premium berkala tetap, yang biasanya digunakan oleh syarikat insurans komersial, adalah kontrak yang mengandungi unsur utama risiko, yang membatalkan kontrak dan oleh itu, dilarang (*harām*) menurut *Sharī'ah.*"

Kontrak alternatif yang menepati prinsip urusan Islām ialah kontrak insurans bekerjersama, yang diasaskan atas dasar kebajikan dan kerjasama.

2.6 UNSUR-UNSUR YANG DILARANG DALAM INSURANS

Tiga elemen, iaitu *gharār, maysir* dan *ribā* adalah unsur-unsur yang dilarang dalam kontrak insurans yang menjadikan kontrak itu *harām*.

2.6.1 *Gharār*

Perkataan Arab *Gharār* adalah konsep yang agak luas yang bermaksud penipuan, risiko, penipuan, ketidakpastian atau ancaman yang boleh membawa kepada kemusnahan atau kerugian. *Gharār* dalam Islām merujuk kepada semua urusniaga objek yang mungkin wujud atau huraiannya tidak pasti, kerana kurang maklumat dan pengetahuan tentang hasil kontrak atau sifat dan kualiti perkara kontrak.

Kontrak dianggap mempunyai unsur-unsur *gharār* apabila:


- Pihak-pihak tidak pasti tentang kepastian peristiwa itu, iaitu, sama ada peristiwa sedemikian akan atau tidak akan berlaku.
- Perkara dalam kontrak tidak diketahui oleh pihak yang berkontrak.
- Tidak ada kepastian tentang kewujudan perkara dalam kontrak.
- Pengambilalihannya diragui.
- Kuantumnya (Kuantitinya) tidak diketahui.

Harus diingat bahawa ketidakpastian tidak dapat dilapuskan dari transaksi perniagaan sepenuhnya. Oleh itu, ulama *Sharī'ah* telah membezakan antara *gharār* besar dan kecil.

Hak cipta @ MTA 2022

Gharār kecil (Gharār Yāsir) yang tidak dapat dielakkan dalam transaksi kewangan dibenarkan dan tidak akan menjejaskan kesahihan kontrak. Sebagai contoh, tidak mungkin untuk mengetahui sama ada setiap kacang dalam guni kacang yang ditawarkan untuk dijual adalah kualiti yang boleh dimakan, namun ini adalah *gharār* kecil (pembeli boleh menguji beberapa kacang sebelum membeli) dan oleh itu penjualan kacang dalam guni umumnya dibenarkan.

Walau bagaimanapun, *gharār* besar (*Gharār Fāhish*) adalah kabur di mana tidak ada cara untuk mengukurnya. Oleh itu, ia tidak dibenarkan. Contohnya ialah apabila dua pihak melakukan transaksi untuk jualan masa depan - bermaksud menjalankan transaksi sekarang tetapi perkara jualan dan harga akan ditentukan pada masa akan datang.



Rajah 2.2: Jenis-jenis *Gharār*

2.6.1.1 *Gharār* dalam insurans

Dalam kes insurans, *Gharār* dikatakan wujud kerana:

- Penanggung insurans mahupun pihak yang diinsuranskan tidak mengetahui hasil kontrak. Pada masa kontrak dibuat, pertukaran tidak pasti akan berlaku atau tidak.

- Dalam kes insurans am, pihak yang diinsuranskan tidak tahu jumlah pampasan yang mungkin dia dapat sekiranya berlaku kemalangan atau unsur bahaya.

- Penanggung insurans dan pihak yang diinsurans tidak tahu bila bahaya akan berlaku.

- Tiada keseimbangan dalam insurans. Orang yang diinsuran dikehendaki membayar premium, tetapi jika bahaya yang diinsuranskan tidak berlaku, pihak yang diinsuran tidak akan dibayar apa-apa. Oleh itu, syarikat insurans, mungkin atau mungkin tidak perlu membayar sebarang pampasan. Sebaliknya, jika peristiwa yang diinsuran berlaku, penanggung insurans mungkin akhirnya membayar lebih daripada premium yang dikumpulkan daripada yang diinsuran.

2.6.2 *Maysir*

Istilah '*Maysir*' bermaksud perjudian. Islām melarang semua bentuk perjudian. *Maysir* merujuk kepada pemerolehan kekayaan secara kebetulan, sama ada ia menafikan hak orang lain atau tidak. Sebagai contoh, ketidakpastian masa manfaat kontrak insurans hayat mewujudkan elemen *Maysir*. Dalam insurans, *Maysir* dikatakan wujud kerana:

- Orang yang diinsuran mungkin menerima sejumlah besar wang, tanpa input premium yang setara.

- Terdapat kemungkinan membayar premium tanpa mendapat sebarang pampasan.

Hak cipta @ MTA 2022

- Syarikat insurans akan rugi jika terdapat terlalu banyak tuntutan di mana jumlah premium yang dikutip tidak mencukupi.

- Apabila premium yang dikutip melebihi tuntutan, penanggung insurans boleh membuat keuntungan besar.

2.6.3 *Ribā*

Ribā dalam bahasa Arab secara harfiah bermaksud peningkatan, pengembangan atau pertumbuhan. Dalam perundangan Islām, ia merujuk kepada peningkatan yang tidak adil di mata *Sharī'ah.*

Ribā merujuk kepada apa-apa faedah yang timbul daripada kontrak pinjaman atau transaksi yang melibatkan unsur riba (r*ibāwi*)

Dalam sebuah hadis, **Rasulullah *SAW*** bersabda**:**

'Emas dibayar dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, dan garam dengan garam – barang dengan barang yang sama, sama banyak dengan sama banyak, pembayaran dibuat dengan segera. Sekiranya jenis barang berbeza, jual seperti yang anda suka dengan syarat pembayaran dibuat dengan segera'.

Mengikut hadis di atas, item ribawi boleh dikelaskan kepada dua kategori utama seperti berikut:

(a) Sebagai ukuran nilai (al-thaman). Ini merujuk kepada emas dan perak yang digunakan sebagai mata wang untuk mengukur nilai barangan yang berharga untuk dijual dan dibeli. Mata wang moden (dalam bentuk wang kertas) dikelaskan sebagai item *ribā*wi kerana ia bertindak sebagai pengukur nilai dan perantaraan pertukaran.

(b) Makanan ruji yang boleh disimpan. Ini diwakili oleh gandum, barli, kurma dan garam yang digunakan sebagai makanan ruji yang boleh disimpan. Dalam konteks Malaysia, beras akan dimasukkan sebagai makanan *ribā*wi kerana ia merupakan makanan ruji utama di negara ini.


Rujukan al-Quran secara langsung mengenai *ribā* terdapat dalam empat surah (Al-Rum, 30:39; Al-Nisa, 4:161; Ali-Imran, 3:130 dan Al-Baqarah, 2:275-9).

Untuk tujuan teks ini, rujukan dibuat kepada *ribā* berasaskan hutang dan *ribā* berasaskan jualan.

2.6.3.1 *Ribā* Berasaskan Hutang ***(Ribā Duyūn)***

Secara umum, *ribā al-duyun* adalah apa-apa lebihan atau faedah tambahan yang dikenakan atau dibayar sebagai bayaran tambahan dalam transaksi pinjaman melebihi jumlah pokok. Jenis Ribā *Duyūn* diterangkan dalam gambar di bawah.

Hak cipta @ MTA 2022



Rajah 2.2: Jenis-jenis *Ribā Duyūn*

2.6.3.2 *Ribā* Berasaskan Jualan **(*Ribā Buyū'*)**

Ia berlaku dalam urus niaga perdagangan dan pertukaran, di mana pertukaran barang-barang *ribāwi* yang tidak sama rata dibuat dan terdiri daripada yang berikut:

a. *Ribā Fadhl yang merupakan* pertukaran item ribāwi dengan ukuran yang berbeza

b. Ribā Nasī'ah di mana pembayaran bagi barangan *ribāwi* yang diniagakan tidak dibuat dengan segera.

Peraturan pertukaran berikut diguna untuk memutuskan sama ada urus niaga akan jatuh di bawah *Ribā Fadhl* atau *Ribā Nasī'ah*.

Kaedah 1:

Pertukaran antara barang *ribāwi* jenis yang sama (dan asas yang sama) mesti dibuat dengan berat, ukuran, jumlah atau pembayaran yang sama dan penghantaran mesti dibuat pada masa yang sama.

- Sekiranya pembayaran dan penghantaran dibuat pada masa yang sama tetapi berat, ukuran atau jumlah bahan yang ditukar tidak sama, maka *Ribā Fadhl* berlaku.

- Sekiranya pembayaran dan penghantaran tidak dibuat pada masa yang sama tetapi berat, ukuran atau jumlah bahan yang ditukar adalah sama, maka *Ribā Nasī'ah* berlaku.

Kaedah 2:


Pembayaran dan penghantaran antara bahan *Ribāwi* yang pelbagai jenis dan asas yang sama mesti dibuat pada masa yang sama, walaupun ia boleh dibuat pada harga yang berbeza. Berat, ukuran atau jumlah bahan yang sama tidak perlu diukur di sini.

- Sekiranya pembayaran dan penghantaran tidak dibuat pada masa yang sama (serentak), maka Ribā Nasī'ah berlaku

Hak cipta @ MTA 2022

Jadual 2.1: Perihalan *Ribā Buyū'*	
Jenis	**Keterangan**
Ribā Fadhl	Kerana jumlah atau kuantiti yang tidak sama
Ribā Nasī'ah	Disebabkan oleh kelewatan masa nilai kaunter (bahan ribawi) yang tergolong dalam: 1. Asas/genus *(jins)* yang sama dan jenis *(nau')*yang sama **Contoh**: emas dan emas; atau 2. Asas/genus *(jin)* yang sama dan jenis *(nau')* yang berbeza **Contoh**: emas dan perak

Ringkasan jenis *Ribā* ditunjukkan dalam Rajah 2.3 di bawah.



Rajah 2.3: Jenis-jenis *Ribā*

2.6.3.3 Unsur *Ribā* dalam Insurans

1. Ribā Fadhl

- Pertukaran dua bahan *ribāwi* (pampasan kewangan dan premium insurans) pada nilai yang berbeza.

2. Ribā Nasī'ah

- Pertukaran premium insurans dan pampasan kewangan pada masa yang berlainan.

3. Ribā Duyūn

- Faedah yang dikenakan ke atas pembayaran lewat premium;
- Faedah yang dikenakan ke atas pinjaman polisi;
- Syarikat insurans melaburkan premium dalam pelaburan yang mempunyai faedah;
- Syarikat insurans membayar faedah ke atas produk insurans hayat mereka; Dan
- Syarikat insurans mengambil kira faedah masa depan apabila mengira premium.

Hak cipta @ MTA 2022

2.7 PERBANDINGAN TAKAFUL DAN INSURANS

Ringkasan perbezaan utama antara takaful dan insurans ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Perbandingan Takaful dan Insurans

Elemen	Takaful	Insurans
Niat	Niat adalah untuk mewujudkan hubungan rohani dan undang-undang.	Niat adalah untuk mewujudkan hubungan undang-undang sahaja.
Perkara	Perkara mestilah mematuhi *Sharī'ah*.	Perkara mesti mematuhi Undang-undang Am .
Jaminan	Operator Takaful hanya Pengurus Dana. Peserta saling menjamin antara satu sama lain.	Syarikat insurans menyediakan jaminan.
Dana	Dana adalah milik peserta dan diuruskan oleh Pengendali Takaful dengan bayaran yang dipersetujui untuk perkhidmatan yang diberikan.	Dana dimiliki dan diuruskan oleh Syarikat. Dana ini disimpan berasingan daripada dana pemegang saham.
Pembayaran caruman/ premium	Sebahagian daripada sumbangan menjadi *tabarru'*.	Premium berbayar mewujudkan kewajipan ke atas penanggung insurans melalui kontrak 'Jual beli'.
Unsur Terlarang	Takaful adalah berdasarkan prinsip-prinsip Islām dan bebas daripada sebarang unsur-unsur yang dilarang.	Polisi insurans mengandungi unsur *Gharār, Ribā dan Maysir.*
Keuntungan	Keuntungan dan/atau lebihan dikongsi di kalangan peserta.	Keuntungan diagihkan mengikut budi bicara syarikat.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 2	SOALAN PENILAIAN

1. Perkataan "Takaful" berasal daripada kata kerja bahasa Arab

A. *"Kafālah"*
B. *"Ad-dīn"*
C. *"Akhlāq"*
D. *"'Aqīdah"*

2. Beberapa manfaat Takaful disenaraikan di bawah. Pilih pernyataan yang SALAH

A. Ia membolehkan peserta memenuhi kewajipan sosialnya terhadap masyarakat dan keluarga.
B. Ia menyediakan bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan dan asnaf melalui konsep tabarru'.
C. Ia memberi perlindungan dan keselamatan kepada keluarga dan kumpulan daripada sebarang musibah.
D. Tidak semua perkara di atas adalah BENAR.

3. *Tabarru'* adalah perkataan Arab yang bermaksud

A. berkongsi
B. saling membantu
C. derma
D. kebenaran

4. Unsur-unsur yang dilarang oleh *Sharī'ah* dalam *Mu'āmalāt* adalah ____. Salah satu pilihan berikut ialah SALAH

A. *Ribā* (Riba)
B. Gharār (Ketidakpastian)
C. Fiqh (Kawalan komersial)
D. Maysir (Perjudian)

5. *Ribā Buyū'* merujuk kepada

A. urus niaga perdagangan dan pertukaran di mana pertukaran barang *Ribāwi* yang sama dan asas yang sama.
B. kenaikan wang yang tidak wajar dipinjamkan sama ada dalam bentuk yang sama atau wang tunai melebihi jumlah pokok.
C. faedah tambahan yang dikenakan ke atas peminjam disebabkan peminjam ingkar membayar balik jumlah yang dipinjam dalam masa yang ditetapkan.
D. apa-apa faedah yang dikenakan terlebih dahulu berdasarkan wang pinjaman tidak kira sama ada peminjam akan ingkar pada masa akan datang atau tidak.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 3: KONSEP RISIKO DALAM TAKAFUL

HASIL PEMBELAJARAN

Selepas membaca bab ini, anda akan dapat:

- Memahami hubungan antara risiko dan takaful
- Memahami konsep pengurusan risiko di bawah Shariah
- Memahami kaitan pengurusan risiko dalam memenuhi objektif pengurangan risiko

3.0 PENGENALAN

Risiko adalah hasil ketidakpastian yang menyebabkan kerugian. Menghadapi risiko adalah fenomena harian, dari terluka semasa bercukur pada waktu pagi, atau tergelincir dan terjatuh dalam bilik mandi, terlibat dalam kemalangan jalan raya, atau meninggal akibat serangan jantung secara tiba-tiba. Dalam menilai impak dan akibat sesuatu risiko, terdapat dua (2) faktor yang perlu diambil kira iaitu:

- Kebarangkalian risiko berlaku (kekerapan kerugian); Dan

- Kesan keterukan daripada berlakunya risiko (keterukan kerugian).

Kuncinya adalah untuk memahami hubungan antara dua faktor ini. Kekerapan tinggi dan kesan rendah tidak ketara, tetapi kekerapan rendah dan kesan keterukan tinggi boleh menjadi bencana seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

Table 3.1: Contoh hubungan antara faktor risiko

Luka pada jari semasa memotong sayur-sayuran	**Kapal terbang terhempas**
Kekerapan tinggi	Kekerapan rendah
Kesan keterukan rendah	Kesan keterukan tinggi

Bagi risiko yang perlu dilindungi oleh Takaful, tumpuan diberikan kepada risiko yang mempunyai tahap kerugian yang mencukupi untuk menyebabkan beban kewangan kepada individu atau perniagaan (lihat Seksyen 3.3 di bawah). Contoh faktor risiko dalam takaful ialah berat badan, kesihatan, gaya hidup, jenis pekerjaan, jenis hobi,kekerapan melancung dan lain-lain.

Walaupun risiko biasanya dilihat dari segi negatif, keupayaan untuk mengenali risiko dan mengambil langkah untuk mencegah boleh membawa kepada hasil yang positif. Sebagai contoh, walaupun risiko merokok adalah fakta yang terserlah, seorang perokok yang mengiktiraf risiko dan berhenti merokok akan mempunyai hasil yang positif.

Hak cipta @ MTA 2022

3.1 KLASIFIKASI RISIKO

Secara amnya, risiko dikelaskan kepada kategori yang ketara seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2: Pengkelasan risiko		
Jenis risiko	**Penerangan risiko**	**Contoh**
Risiko tulen	**Risiko di mana terdapat kerugian atau tiada kerugian**	**Kebakaran, Kemalangan, penyakit.**
Risiko spekulatif	**Risiko di mana terdapat kerugian, tiada kerugian atau keuntungan**	**Pelaburan**
Risiko asas	**Risiko yang memberi kesan kepada seluruh komuniti atau sebilangan besar orang dalam komuniti.**	**Banjir, Gempa Bumi, Pandemik**
Risiko khusus	**Risiko yang memberi kesan kepada individu**	**Kebakaran, Kemalangan, Kecurian**

3.2 KONSEP RISIKO TAKAFUL

Dalam takaful, apabila istilah 'risiko' digunakan, secara amnya merujuk kepada kemungkinan peristiwa berlaku dan diikuti dengan kemungkinan kerugian kewangan timbul daripada peristiwa itu. Kerugian kewangan boleh ditakrifkan sebagai penurunan atau kehilangan sesuatu nilai yang dialami akibat sesuatu peristiwa.

Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.0 di atas, risiko dan akibatnya adalah fenomena harian. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa tidak semua risiko dilindungi oleh takaful. Ciri-ciri risiko yang boleh dilindungi oleh takaful diterangkan di bawah:

- **Risiko tulen**

Hanya risiko tulen, di mana terdapat kerugian atau tiada kerugian, dilindungi di bawah takaful. Sebagai contoh, seseorang boleh dilindungi untuk kontingensi perubatan di bawah pelan perubatan takaful. Sekiranya orang itu mengalami penyakit kecil dan sembuh di rumah, tidak ada kerugian. Walau bagaimanapun, jika penyakit itu serius, dan orang itu perlu dimasukkan ke hospital untuk rawatan, maka terdapat kerugian kewangan kepada orang yang berkenaan.

Hak cipta @ MTA 2022

- **Nilai Kewangan**

Risiko mesti melibatkan potensi kerugian yang boleh diukur secara kewangan (contohnya, kerosakan kebakaran rumah, atau pembayaran kos hospital, atau pembayaran sekaligus atas kematian pra-matang individu).

- **Risiko khusus**

Risiko mestilah risiko yang mempengaruhi individu atau entiti. Takaful adalah berkaitan dengan perlindungan kerugian kewangan yang dialami oleh individu atau perniagaan.

- **Risiko homogen (sama jenis)**

Pengendali Takaful akan mencari pendedahan homogen atau risiko yang seakannya berdasarkan undang-undang bilangan besar untuk meramalkan kebarangkalian dan jangkaan tahap kerugian yang berkaitan yang mungkin timbul daripada pendedahan tersebut. Undang-undang bilangan besar menyatakan bahawa apabila bilangan pendedahan kerugian meningkat, kerugian yang diramalkan mendekati kerugian sebenar. Walau bagaimanapun, undang-undang bilangan besar akan berkenaan jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- pendedahan kerugian mestilah tidak berkaitan antara satu dengan lain, dan
- peristiwa kerugian adalah secara rawak atau kemungkinan.

- **Kebetulan**

Peristiwa itu mesti dalam keadaan yang tidak dijangka dan bersifat rawak. Kekerapan dan keterukan sebarang risiko sedemikian mestilah di luar kawalan orang yang diinsuranskan (contohnya, kematian individu, atau berlakunya kemalangan).

- **Dasar awam**

Suatu tindakan yang melanggar dasar awam (suatu tindakan yang dianggap oleh orang awam sebagai betul dan baik untuk kepentingan orang ramai) atau yang melanggar undang-undang tidak boleh dilindungi di bawah takaful. Sebagai contoh, pengedar dadah yang kehilangan dadahnya dalam kebakaran tidak boleh menuntut atas kerugian itu, atau seseorang yang didenda kerana memandu dalam keadaan mabuk tidak boleh dilindungi untuk membayar denda atau denda kerana melanggar undang-undang.

Hak cipta @ MTA 2022



Rajah 3.1: Ciri-ciri risiko yang boleh dilindungi oleh Takaful

3.3 JENIS-JENIS RISIKO TULEN

Dalam perlindungan takaful, adalah amat prihatin terhadap risiko tulen yang dihadapi oleh individu. Untuk tujuan ini, risiko tulen biasanya dikategorikan kepada **tiga** (3) jenis seperti berikut:

3.3.1 Risiko Peribadi

Risiko peribadi ditakrifkan sebagai risiko yang secara langsung memberi kesan kepada individu. Risiko peribadi yang termasuk dalam skop takaful adalah:

- Kematian pra-matang

Kematian pencari nafkah yang matang boleh memberi kesan buruk kepada tanggungannya dan boleh meninggalkan mereka dalam keadaan miskin dengan tekanan kewangan yang melampau.

- Kesihatan yang kurang memuaskan

Kesihatan yang buruk boleh menyebabkan keperluan wang yang berlebihan untuk membayar bil perubatan. Ini boleh tambah dengan penyakit yang melemahkan dan menyebabkan individu tidak dapat bekerja, sehingga mengakibatkan kehilangan pendapatan.

- Pengangguran

2. Dana itu akan dilaburkan dalam pelaburan *Patuh Shariah* seperti "*Government Investment Issue*" (GII), *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am (GIA).

3. Keuntungan pelaburan, jika ada, akan dikongsi di antara peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

4. Pada akhir tahun, lebihan akan diagihkan kepada peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

Walau bagaimanapun, dalam kes defisit, pemegang saham Pengendali Takaful akan memberi pinjaman tanpa faedah (*qarḍ)*.

Hak cipta @ MTA 2022



Rajah 5.3: *Model Muḍārabah* bagi Takaful Am

5.2.2.2 *Model Muḍārabah* untuk Takaful Keluarga

Penjelasan Model Muḍārabah takaful keluarga (rujuk Rajah 5.4 di bawah):

1. Peserta membayar sumbagan takaful.

2. Sumbangan peserta akan diagihkan kepada:

2(a). Dana Pelaburan Peserta (PIF), yang bertujuan sebagai simpanan; dan

2(b). Dana Risiko Peserta (PRF), yang berasaskan konsep *tabarru'* .

3. Dana itu akan dilaburkan dalam pelaburan *Patuh Shariah* seperti "*Government Investment Issue*" (GII), *sukuk*, ekuiti, aset tetap dan Akaun Pelaburan Am (GIA).


4. Keuntungan pelaburan, jika ada, akan diagihkan di antara peserta (kepada PIF dan PRF) dan pembayaran yuran prestasi kepada Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui

5. Dana Risiko Peserta akan digunakan untuk tuntutan, caruman takaful semula dan rizab.

6. Pada akhir tahun, lebihan akan diagihkan kepada peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

Walau bagaimanapun, dalam kes defisit, pemegang saham Pengendali Takaful akan memberi pinjaman tanpa faedah (*qarḍ)*.

Hak cipta @ MTA 2022



Rajah 5.4: *Model Muḍārabah* bagi Takaful Keluarga

5.2.3 Muḍārabah + Wakālah Model (Model Hibrid)

Model takaful hibrid adalah gabungan model *muḍārabah* dan *wakālah* . Di bawah model ini, Pengendali Takaful mengambil peranan usahawan (*muḍārib)* serta ejen (*wakil)* peserta. Para peserta, bertindak sebagai penyedia modal dan prinsipal kepada ejen.

Dengan pengaturan ini, di pihak Pengendali, yuran agensi boleh dibayar sebagai caj pendahuluan dari dana Takaful, dan pada masa yang sama, Pengendali akan mempunyai hak untuk berkongsi keuntungan ke atas pulangan pelaburan dana Takaful mengikut kontrak *muḍārabah*.

Justeru, kontrak *muḍārabah* digunakan untuk aktiviti pelaburan sahaja. Keuntungan daripada dana dalam hal ini akan terdiri daripada lebihan pengunderaitan serta pulangan pelaburan secara keseluruhan. Sebagai tambahan kepada fi *wakālah*, model ini memberikan budi bicara kepada Pengendali untuk mengenakan bayaran, atas lebihan dana takaful, yuran prestasi yang dipertimbangkan sebagai pengurus operasi Takaful secara keseluruhan.

Oleh itu, Pengendali mempunyai tiga sumber pendapatan: fi *wakālah* , perkongsian keuntungan dari pulangan pelaburan dana takaful dan pulangan pelaburan dana pemegang sahamnya. Bagi peserta, mereka mempunyai hak untuk berkongsi lebihan pengunderaitan bersih serta keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan dana takaful.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 5	SOALAN PENILAIAN

1. Istilah *Wakālah* merujuk kepada

A. Kontrak agensi.
B. Kontrak Pelaburan.
C. Kontrak persetujuan bersama.
D. Kontrak Kerjasama.

2. Satu daripada yang berikut adalah SALAH mengenai sistem *Wakālah*.

A. Pengendali Takaful akan menguruskan penyertaan dalam pelbagai produk Takaful.
B. Pengendali Takaful akan menguruskan dana syarikat.
C. Pengendali Takaful akan menguruskan operasi syarikat.
D. Pengendali Takaful akan mengambil semua keuntungan operasi.

3. Di bawah model *Wakaf* , Pengendali Takaful akan memperoleh pendapatannya daripada

I. fi *wakālah*
II. pulangan pelaburan dana pemegang sahamnya
III. pulangan pelaburan dana risiko peserta
IV. pulangan pelaburan daripada dana pelaburan peserta

A. I dan II
B. I, II dan III
C. I, II dan IV
D. Semua perkara di atas adalah BENAR

4. Di bawah Model *Muḍārabah* , keuntungan akan terdiri daripada

A. pulangan ke atas pelaburan dan lebihan pengunderaitan berkenaan dengan dana Takaful sahaja.
B. keuntungan daripada Dana Pemegang Saham sahaja.
C. lebihan pengunderaitan berkenaan dengan dana Takaful dan dana Pemegang Saham
D. Pulangan ke atas pelaburan dana Takaful dan dana Pemegang Saham.

5. Sekiranya terdapat defisit dalam dana takaful semasa operasinya, perkara berikut akan berlaku

A. pemegang saham Pengendali Takaful akan menyediakan *qard*.
B. Syarikat akan mendapatkan pinjaman daripada Bank Negara
C. peserta akan menyediakan *qard* pada kadar pulangan tetap
D. pemegang saham akan menyediakan *qard* pada kadar pulangan tetap

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 6 : PENGANTARA TAKAFUL

HASIL PEMBELAJARAN

Selepas membaca bab ini, anda akan dapat:

- Memahami jenis-jenis perantara yang terdapat dalam pasaran takaful
- Memahami hak prinsipal dan perantara dalam kontrak prinsipal-ejen.
- Menerangkan kelakuan ejen yang dilarang

6.0 PENGENALAN

Perantara Takaful ialah seorang profesional yang menjalankan urus niaga Takaful atau mencari pelanggan berpotensi untuk menyertai kontrak takaful bersama Pengendali Takaful. Perantara ini terdiri daripada ejen Takaful, broker Takaful dan Penasihat Kewangan.

Perantara dibayar komisen (atau yuran broker untuk broker) bagi setiap pelan yang diluluskan oleh Pengendali Takaful. Komisen ini berdasarkan peratusan sumbangan yang telah dipersetujui oleh pelanggan.

6.1 JENIS-JENIS PERANTARA TAKAFUL

Pelbagai jenis perantara yang disebutkan di atas diterangkan di bawah.

6.1.1 Ejen Takaful

Ejen Takaful mewakili Pengendali Takaful dan peranan utamanya adalah mempromosikan pelan Takaful yang direka dan dipasarkan oleh Pengendali Takaful.

Menurut IFSA 2013, istilah 'ejen takaful' bermaksud seseorang yang melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

a) merunding atau mendapatkan cadangan untuk mendapatkan sijil takaful bagi pihak Pengendali Takaful;

b) menawarkan atau bertindak bagi pihak Pengendali Takaful dalam merundingkan sijil Takaful;

c) melakukan apa-apa tindakan lain bagi pihak Pengendali Takaful berhubung dengan pengeluaran, pembaharuan atau kesinambungan sijil takaful.

Selain mempunyai ejen takaful yang memasarkan produk-produk Pengendali takaful, Pengendali juga mungkin mempunyai rakan kongsi bancatakaful. Pengendali bancatakaful adalah institusi perbankan atau institusi kewangan pembangunan yang mempunyai perjanjian pengedaran atau pemasaran dengan Pengendali takaful. Menerusi kerjasama ini, kakitangan bank akan memasarkan produk takaful secara terus kepada pelanggan bank.

Hak cipta @ MTA 2022

6.1.2 Broker takaful

Menurut Akta IFSA 2013, 'broker takaful' ditakrifkan sebagai orang yang, sebagai kontraktor bebas, menjalankan operasi pembrokeran Takaful dan/atau Caruman Takaful Semula. Broker mewakili kepentingan peserta berpotensi yang berhasrat untuk mempunyai pelan takaful. Antara tugas utama broker takaful adalah:

a) membantu pelanggan mendapatkan dan memperbaharui perlindungan takaful daripada Pengendali Takaful.
b) menasihati pelanggan mengenai pelan Takaful yang paling sesuai, liputan dan terma yang ditawarkan oleh Pengendali Takaful.

6.1.3 Penasihat Kewangan

Penasihat kewangan adalah pihak bebas yang menyediakan perkhidmatan penasihat kewangan. Perkhidmatan penasihat kewangan ditakrifkan sebagai perkhidmatan yang menjalankan tugas-tugas berikut:

a) menganalisis keperluan perancangan kewangan seseorang berkaitan dengan produk takaful;

b) mengesyorkan produk takaful yang sesuai kepada seseorang;

c) mendapatkan produk Takaful daripada Pengendali Takaful berlesen untuk seseorang;

d) mengatur kontrak berkenaan produk takaful bagi seseorang; atau

e) urusan, perkhidmatan atau aktiviti lain berhubung dengan perkhidmatan kewangan.

Perbandingan antara perantara yang disebutkan di atas digambarkan dalam Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Perbandingan Perantara Takaful

Perantara	Fungsi	Mewakili	Dilesenkan/Berdaftar oleh
Ejen takaful	Merunding atau mendapatkan cadangan untuk sijil takaful	Pengendali Takaful	Persatuan Takaful Malaysia
Broker takaful	Kontraktor bebas yang menjalankan urusan pembrokeran Takaful dan/atau Caruman Takaful Semula	Pelanggan	Bank Negara Malaysia
Penasihat kewangan	Pihak bebas yang menyediakan perkhidmatan penasihat kewangan	Pelanggan	Bank Negara Malaysia

Hak cipta @ MTA 2022

6.2 TINGKAH LAKU EJEN

IFSA 2013 menyatakan perkara berikut berkenaan dengan tingkah laku ejen di dalam pasaran.

1. Keperluan Pendedahan

Seksyen 140 (Para 10) IFSA 2013 menghendaki semua ejen yang memasarkan produk takaful untuk Pengendali Takaful memaklumkan kepada bakal pelanggan bahawa dia adalah ejen dan bertindak bagi pihak Pengendali Takaful tertentu.

2. Ejen Takaful Mesti Mewakili Pengendali Takaful Berlesen

Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 26 IFSA 2013, tiada seorang pun boleh memasarkan atau mempromosikan produk atau urusan takaful sebagai ejen atau broker bagi seseorang atau Pengendali selain daripada Pengendali Takaful berlesen. Mana-mana orang yang didapati bersalah dalam peruntukan ini, boleh didenda tidak melebihi RM50 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun, atau kedua-duanya sekali.

3. Tidak Mematuhi IFSA 2013

Seksyen 136 (4) IFSA 2013 menyatakan bahawa jika mana-mana ejen didapati tidak mematuhi peruntukan Akta dan jika didapati bersalah, boleh didenda tidak melebihi RM10 juta atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

6.3 TANGGUNGJAWAB-TANGGUNGJAWAB EJEN

Kontrak agensi antara Pengendali Takaful dan ejen adalah secara bertulis. Ia mengandungi terma dan syarat berkaitan dengan kelakuan agensi dan imbuhan yang perlu dibayar kepada ejen.

Antara tugas am ejen adalah seperti berikut:

- Promosi produk dan perkhidmatan takaful.
- Memberi khidmat nasihat (berkaitan dengan produk takaful) dan sokongan pelanggan kepada pelanggan.
- Mengemukakan cadangan kepada prinsipal seperti yang dikehendaki.
- Mewujudkan kesedaran tentang produk dan perkhidmatan takaful.
- Mengekalkan hubungan yang baik dengan pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan.
- Mengetahui perkembangan dan keadaan semasa pasaran untuk membimbing pelanggan sewajarnya.

Khususya, tugas ejen kepada prinsipal (Pengendali Takaful) adalah:

- Mematuhi arahan prinsipal.
- Mempunyai ketelitian dan kemahiran sewajarnya dalam melaksanakan semua kewajipan yang timbul daripada hubungan dengan prinsipal.
- Melaksanakan tugas yang diperlukan di bawah kontrak sendiri dan bukan mewakilkan tugas-tugas tersebut kepada individu lain.

Hak cipta @ MTA 2022

- Untuk bertindak dengan jujur dalam semua berurusan dengan prinsipal.
- Untuk bertanggungjawap terhadap semua wang yang diterima bagi pihak prinsipal. Broker insurans dikehendaki oleh kod amalan utama profesional mereka untuk menyimpan wang pelanggan mereka berasingan daripada wang mereka sendiri.

6.4 HAK-HAK EJEN

Hak-hak ejen adalah seperti berikut:

- Hak ejen yang paling penting adalah hak untuk menerima bayaran untuk perkhidmatannya, biasanya dalam bentuk komisen atau yuran.

- Ejen itu juga berhak untuk dibayar semula wang yang telah dibelanjakannya dengan kuasa nyata prinsipalnya dalam had yang boleh diterima.

- Ejen mempunyai hak untuk melaksanakan tugasnya mengikut cara yang difikirkannya sesuai. Dia boleh menolak sebarang percubaan oleh prinsipalnya untuk mengawal cara dia bekerja.

6.5 KEWAJIPAN PRINSIPAL

Prinsipal mempunyai kewajipan berikut terhadap ejennya:

- Untuk membayar imbuhan dan perbelanjaan seperti yang dipersetujui; atau, untuk membayar apa yang lazimnya munasabah.

- Membayar ganti rugi ejen terhadap apa-apa kesan perbuatan yang dilakukan mengikut undang-undang, di dalam bidang kuasanya, bagi pihak prinsipal.

6.6 REMEDI PRINSIPAL

Sekiranya ejen tidak melaksanakan tugas seperti yang diperlukan, prinsipal boleh:

- Saman ejen untuk ganti rugi untuk prestasi tertentu atau kerana melanggar kontrak

- Menamatkan perkhidmatan ejen tanpa notis ataupun pampasan dalam kes pelanggaran tugas yang serius dan terserlah.

- Membatalkan apa-apa kontrak yang dibuat melalui ejen dan tidak membayar komisen di mana terdapat penipuan atau ejen telah bertindak secara *mala fide* (niat jahat).

Hak cipta @ MTA 2022

6.7 PENAMATAN AGENSI

Hubungan prinsipal dan ejen boleh ditamatkan disebabkan oleh berikut:

- Dengan notis pembatalan yang diberikan oleh prinsipal kepada ejen.
- Dengan notis penolakan yang diberikan kepada prinsipal oleh ejen.
- Dengan penyempurnaan transaksi di mana kuasa diberikan untuk transaksi itu sahaja.
- Dengan tamat tempoh yang ditetapkan dalam kontrak agensi.
- Dengan persetujuan bersama.
- Secara amnya, dengan kematian, tidak siuman atau kebankrapan prinsipal atau ejen.
- Dengan penguatkuasaan mana-mana undang-undang yang menjadikan kontrak ejen sebagai haram.

6.8 KELAKUAN EJEN YANG DILARANG

Jadual 7 Akta Perkhidmatan Kewangan Islām (IFSA) 2013 memperincikan senarai kelakuan urusan yang dilarang kepada Pengendali Takaful dan perantara takaful. Ini diterbitkan semula seperti berikut:

- Melibatkan diri dalam tingkah laku yang mengelirukan atau menipu, atau mungkin membawa kepada mengelirukan atau menipuan berhubung dengan sifat, ciri, terma atau harga mana-mana perkhidmatan kewangan atau produk.
- Mendorong atau cuba mendorong pengguna kewangan untuk melakukan perbuatan atau meninggalkan tindakan berhubung dengan mana-mana perkhidmatan kewangan atau produk dengan:

    i. Membuat kenyataan, ilustrasi, janji, ramalan atau perbandingan yang mengelirukan, palsu atau menipu;

    ii. Menyembunyikan, meninggalkan atau memberikan fakta material secara tidak jujur dengan cara yang samar-samar; atau

    iii. Secara melulu membuat sebarang kenyataan, ilustrasi, janji, ramalan atau perbandingan yang mengelirukan, palsu atau menipu.

- Mengenakan tekanan, pengaruh atau penggunaan atau mengancam untuk menggunakan gangguan, paksaan, atau tindakan fizikal berhubung dengan penyediaan sebarang perkhidmatan atau produk kewangan kepada pengguna kewangan, atau pembayaran untuk sebarang perkhidmatan atau produk kewangan oleh pengguna kewangan.
- Menuntut bayaran daripada pengguna kewangan dalam apa jua cara untuk perkhidmatan kewangan atau produk yang tidak diminta termasuk mengancam untuk membawa prosiding undang-undang jika pengguna kewangan tidak menyampaikan penerimaan tawaran perkhidmatan kewangan atau produk

Hak cipta @ MTA 2022

tersebut sama ada secara lisan atau bertulis.

- Mengenakan tekanan yang tidak wajar ke atas, atau memaksa pengguna kewangan untuk memperolehi perkhidmatan kewangan atau produk sebagai syarat untuk memperoleh perkhidmatan atau produk kewangan lain.

- Berpakat dengan mana-mana pihak untuk menetapkan atau mengawal ciri-ciri atau terma mana-mana perkhidmatan kewangan atau produk sehingga menjejaskan mana-mana pengguna kewangan kecuali tarif atau kadar premium atau terma polisi telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 6	SOALAN PENILAIAN

1. Menurut IFSA 2013, ejen Takaful ditakrifkan sebagai orang yang melakukan semua atau mana-mana yang berikut. Salah satu daripada berikut ialah SALAH.

A. Merunding atau mendapatkan cadangan untuk sijil Takaful bagi pihak Pengendali Takaful.
B. Menawarkan atau bertindak bagi pihak Pengendali Takaful dalam rundingan sijil Takaful.
C. Melakukan urusan lain bagi pihak Pengendali Takaful berhubung dengan pengeluaran, pembaharuan, atau kesinambungan sijil Takaful.
D. Memastikan sijil takaful sentiasa berkuatkuasa dengan apa jua cara yang mungkin.

2. Tugas utama broker Takaful adalah seperti berikut. Pilih gabungan BETUL di bawah.

I. Membantu pelanggan mendapatkan dan memperbaharui perlindungan Takaful daripada Pengendali Takaful
II Mengesyorkan dan menasihati pelanggan mengenai pelan Takaful yang paling sesuai yang ditawarkan oleh Pengendali Takaful.
III. Mengambil inisiatif untuk mereka bentuk dan membuat pelan untuk pelanggan dan mendapatkan kelulusan daripada Pengendali Takaful
IV. Memastikan pelanggan menandatangani kontrak komitmen untuk kekal bersama Pengendali Takaful yang dipilih sekurang-kurangnya 10 tahun.

A. I &II
B. I, II &III
C. II, III & IV
D. Semua perkara di atas adalah BENAR

3. Penasihat kewangan menyediakan perkhidmatan nasihat kewangan yang merangkumi perkara berikut. Pilih satu pilihan yang SALAH.

A. Menganalisa perancangan kewangan yang diperlukan seseorang berkaitan dengan produk Takaful.
B. Mempakejkan pelan untuk seseorang untuk memperoleh pendapatan maksimum daripada urusan tersebut.
C. Menawarkan produk Takaful yang sesuai kepada seseorang.
D. Mendapatkan produk Takaful daripada Pengendali Takaful berlesen untuk seseorang.

4. Seksyen 140 (Para 10) IFSA 2013 memerlukan _____

A. semua ejen untuk memaklumkan kepada bakal pelanggan bahawa dia adalah ejen dan bertindak bagi pihak Pengendali Takaful tertentu.
B. semua ejen untuk mematuhi prinsip kejujuran mutlak.
C. semua ejen untuk menasihati pelanggan mereka supaya mematuhi prinsip kejujuran mutlak.
D. semua ejen mengingatkan pelanggan mereka tentang kesan negatif menggantikan polisi takaful.

Hak cipta @ MTA 2022

5. Prinsipal akan mempunyai tugas berikut terhadap ejen. Pilih pernyataan yang BETUL di bawah.

A. Membayar ejen semua imbuhan dan perbelanjaan seperti yang dipersetujui.
B. Membayar ganti rugi ejen terhadap apa-apa kesan perbuatan yang dilakukan mengikut undang-undang, di dalam bidang kuasanya, bagi pihak prinsipal.
C. Membayar ganti rugi ejen akibat bertindak di dalam dan di luar kuasanya.
D. Mengesahkan semua tindakan jualan, persembahan dan komitmen yang dibuat oleh ejen kepada pelanggan.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 7: TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

HASIL PEMBELAJARAN

Selepas membaca bab ini, anda akan dapat:

- Terangkan konsep dan ciri-ciri Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada pelanggan.
- Mengenalpasti ciri-ciri dan manfaat pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan serta bagaimana pelan tersebut memenuhi keperluan pelanggan.

7.0 PENGENALAN

Hari ini, rakyat Malaysia hidup lebih lama dan mempunyai akses kepada rawatan perubatan yang lebih baik dan maju. Ini merupakan satu perkembangan positif dan tanda kemajuan dalam pengurusan dan keberhasilan kesihatan negara. Walau bagaimanapun, Malaysia, seperti semua negara membangun, berada dalam peralihan epidemiologi (mengalami perubahan dalam corak penyakit).

Isu dan cabaran kesihatan utama telah berubah daripada penyakit berjangkit akut kepada gangguan gaya hidup kronik yang berkaitan seperti penyakit kardiovaskular, diabetes mellitus, kanser, dan gangguan yang berkaitan dengan usia. Kadar obesiti dan diabetes semakin meningkat apabila orang ramai mengambil makanan yang tidak sihat dan mengamalkan amalan gaya hidup yang tidak sihat. Keperluan untuk rawatan perubatan dan rawatan jangka panjang yang mahal, telah membawa kepada permintaan yang lebih tinggi untuk Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHT) bagi membiayai kos perbelanjaan perubatan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

7.1 KATEGORI TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN (MHT)

Pelan MHT adalah pelan takaful yang melindungi perbelanjaan perubatan akibat penyakit, kesakitan atau kemalangan.

Terdapat **dua(2)** kategori Takaful Perubatan dan Kesihatan, iaitu:


1. Sijil Ganti Rugi

Ia adalah sejenis pelan perubatan yang membayar balik peserta untuk perbelanjaan perubatan yang berkaitan yang ditanggung. Contoh sijil ganti rugi ialah Hospitalisasi dan Takaful Pembedahan di mana peserta akan dibayar balik untuk kos rawatan perubatan dan perkhidmatan yang telah ditanggungnya semasa dimasukkan ke hospital.

Hak cipta @ MTA 2022

2. Sijil Faedah

Sijil manfaat membayar jumlah wang yang telah ditentukan terlebih dahulu jika peristiwa yang dilindungi berlaku semasa tempoh sijil, atau pembayaran elaun atau aliran pendapatan secara berkala untuk tempoh yang pemilik sijil tidak berupaya dan / atau dimasukkan ke hospital. Contoh sijil manfaat ialah pelan Manfaat Tunai Kemasukan Hospitalisasi dan Takaful Penyakit Kritikal.



Rajah 7.1: Kategori Takaful Perubatan dan Kesihatan

7.2 JENIS-JENIS PERLINDUNGAN

Pelbagai jenis perlindungan di bawah takaful perubatan dan kesihatan dibincangkan di bawah.

7.2.1 Hospitalisasi dan pelan takaful pembedahan

Pelan takaful hospital dan pembedahan (HST) menyediakan pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh pemilik sijil untuk rawatan perubatan akibat penyakit, kesakitan atau kecederaan. Pelan ini meliputi perbelanjaan yang ditanggung akibat kemasukan ke hospital dan prosedur pembedahan.

Secara amnya, manfaat yang disediakan oleh pelan Takaful Kemasukan Ke Hospital dan Pembedahan termasuk yang berikut:

a. Bilik dan Penginapan Hospital.
b. Unit Rawatan Rapi.
c. Bekalan dan Perkhidmatan Hospital.
d. Fi Pakar Bius.
e. Fi Pakar Bedah.
f. Fi Dewan Pembedahan.
g. Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital.
h. Ujian Diagnostik Sebelum Penghospitalan.
i. Rundingan Pakar Sebelum Penghospitalan.
j. Rawatan Selepas Penghospitalan.

Hak cipta @ MTA 2022

k. Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan.
l. Fi Ambulan.

Setiap faedah yang dinyatakan di atas akan mempunyai 'had dalaman' yang mungkin berbeza dari satu plan ke yang lain dan juga dari satu Pengendali kepada yang lain.

Sesetengah pelan mungkin boleh diperluaskan untuk meliputi yang berikut:

a. Elaun Tunai Hospital.
b. Perjalanan luar negara
c. Rawatan Kanser Pesakit Luar.
d. Dialisis buah pinggang pesakit luar.
e. Pemindahan Organ
f. Faedah kematian akibat kemalangan
g. Pembedahan dan perundingan penjagaan harian pesakit luar
h. Elaun tunai harian di hospital kerajaan

7.2.2 Faedah pendapatan hospitalisasi

Ia boleh ditawarkan sebagai sijil kendiri atau sebagai rider kepada pelan Takaful Keluarga atau Takaful Perubatan dan Kesihatan. Pelan ini menyediakan peserta dengan manfaat tunai harian, sekiranya peserta dimasukkan ke hospital kerana penyakit, sakit, atau kecederaan, tertakluk kepada terma dan syarat sijil atau rider. Pelan ini membayar jumlah elaun yang telah dipersetujui untuk setiap hari orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital.

7.2.3 Penyakit Kritikal

Penyakit Kritikal adalah pelan takaful yang memberikan manfaat sekaligus jika orang yang dilindungi didiagnosis dengan salah satu penyakit tertentu dalam sijil (biasanya 36 penyakit kritikal tetapi sesetengah Pengendali Takaful mungkin melindungi lebih banyak). Sesetengah produk direka khas untuk segmen tertentu penduduk seperti wanita dalam kes penyakit berkaitan wanita seperti kanser payudara atau ovari. Yang lain mungkin termasuk rider kanser juvana untuk memberi perlindungan terhadap penyakit kritikal yang biasa berlaku di kalangan kanak-kanak.

Jadual 7.1: Contoh Penyakit Yang Dilindungi Di Bawah Takaful Penyakit Kritikal	
Penyakit Alzheimer / Gangguan Otak Degeneratif Organik Yang Tidak Dapat Dipulihkan	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
Meningitis Bakteria	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
Tumor Otak Benign	Kehilangan Keupayaan Bertutur
Buta/Hilang Penglihatan Menyeluruh	Kelecuran Tahap Tinggi
Pembedahan Otak	Trauma Kepala Major (Teruk)
Kanser	Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang Utama
Anemia Aplastik Kronik	Penyakit Sistik Medular
Koma	Penyakit Neuron Motor
Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	Sklerosis Multipel
Pekak/Kehilangan Pendengaran Menyeluruh	Distrofi Otot
Ensefalitis	Lain-Lain Penyakit Arteri Koronari Serius
Kegagalan Buah Pinggang Peringkat Akhir	Lumpuh/Paraplegia

Hak cipta @ MTA 2022

Kegagalan Hati Peringkat Akhir	Penyakit Parkinson
Kegagalan Paru-Paru Peringkat Akhir	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
AIDS Gejala Penuh	Kardiomiopati – Keterukan Tertentu
Hepatitis Virus Fulminan	Strok/ Angin Ahmar
Serangan Jantung	Pembedahan Aorta
Pembedahan Injap Jantung	Lupus Erythematous Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

7.2.4 Takaful pendapatan hilang upaya

Pelan pendapatan hilang upaya bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan bagi menggantikan pendapatan di tempat kerja yang hilang akibat daripada kemalangan atau penyakit yang melumpuhkan. Secara amnya, jumlah maksimum pendapatan kecacatan yang boleh diganti adalah kira-kira 60% hingga 70% daripada pendapatan tempat kerja.

7.3 CIRI-CIRI TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

Ciri-ciri utama Takaful Perubatan dan Kesihatan adalah seperti berikut:

7.3.1 Tidak tamat perlindungan walaupun tuntutan dibayar

Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya menyediakan pembayaran tuntutan sehingga had yang ditetapkan dalam sijil takaful. Had tersebut boleh menjadi satu atau gabungan yang berikut:

- Had setiap kecacatan
- Had tahunan keseluruhan
- Had seumur hidup

Ini dijelaskan dalam Jadual 7.2 di bawah.

Jadual 7.2: Had bagi Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan

HAD	KETERANGAN
Had setiap kecacatan	Jumlah maksimum manfaat yang tersedia untuk peserta setiap kecacatan
Had tahunan keseluruhan	Jumlah maksimum manfaat yang tersedia untuk peserta dalam mana-mana tahun sijil tertentu
Had seumur hidup	Jumlah maksimum faedah yang tersedia untuk peserta sepanjang hayatnya.

Perkara yang perlu diperhatikan ialah pembayaran tuntutan tidak mengakibatkan penamatan sijil kecuali sekiranya berlaku tuntutan kematian. Oleh itu, jika peserta membuat tuntutan hilang upaya berbilang kali dalam setahun, tuntutan masa depan masih akan dibayar selagi had tahunan tidak dilanggar.

7.3.2 Peningkatan risiko mengikut masa untuk takaful perubatan dan kesihatan

Sumbangan Takaful Perubatan dan Kesihatan juga mngambil kira faktor risiko morbiditi peserta. Risiko meningkat dengan usia dan akibatnya sumbangan yang perlu dibayar akan meningkat dengan usia. Adalah penting bahawa ejen membincangkan ini dengan prospek kerana kelewatan dalam memperoleh pelan perubatan boleh menyebabkan:

Hak cipta @ MTA 2022

- prospek untuk membayar sumbangan yang lebih tinggi pada masa akan datang sepadan dengan usia masa depan, atau
- mendedahkan prospek kepada risiko perubatan yang mungkin memerlukan bayaran tambahan atau menyebabkan prospek tidak dapat diinsuranskan pada masa akan datang

7.3.3 Pengecualian am

Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya tidak melindungi yang berikut:

- Penyakit yang sedia ada pada masa permohonan.
- Penyakit tertentu tidak akan dilindungi untuk penyakit-penyakit ini jika penyakit telah dirawat atau berlaku dalam tempoh 12 bulan pertama tempoh sijil (contohnya, tumor dan gastritis) dan keadaan yang berkaitan dengannya
- Tuntutan untuk penyakit atau kecederaan yang disebabkan oleh tindakan yang haram atau menyalahi undang-undang.
- Kehamilan atau melahirkan anak.
- Penyakit veneral, jangkitan atau parasit.
- Pembunuhan atau serangan fizikal.
- Pembedahan kosmetik atau plastik.

7.3.4 Penamatan takaful perubatan dan kesihatan

Sijil takaful perubatan dan kesihatan akan ditamatkan apabila berlaku kejadian berikut:

- Penggunaan sepenuhnya had tahunan atau had seumur hidup yang ditetapkan dalam sijil
- Pada tarikh ulang tahun sijil selepas umur kelayakan maksimum peserta
- Pada kematian peserta

7.4 LANGKAH-LANGKAH PEMBENDUNGAN KOS

Kos penjagaan kesihatan di Malaysia terus meningkat, menyebabkan operasi Takaful Perubatan dan Kesihatan menjadi kurang menguntungkan. Pelbagai kaedah telah diperkenalkan oleh Pengendali Takaful untuk membendung kos dan mencegah penyalahgunaan yang secara langsung atau tidak langsung menimbulkan jumlah tuntutan melambung tinggi.

Langkah-langkah ini dibincangkan di bawah:

- **Had Dalaman**

Had dalaman ialah 'had dalam had'. Sebagai contoh, jika *had dalaman* peserta untuk pembedahan adalah RM 20,000 iaitu maksimum yang boleh dituntut bagi setiap prosedur pembedahan walaupun had tahunannya mungkin lebih tinggi.

- **Jadual Prosedur Pembedahan**

Ini menggariskan senarai prosedur pembedahan yang dilindungi secara khusus oleh sijil. Ia mengecilkan pendedahan risiko Pengendali Takaful.

Hak cipta @ MTA 2022

- **Tempoh Maksimum Pampasan**

Tempoh maksimum sijil akan meliputi peserta untuk sebarang perkhidmatan atau rawatan perubatan. Sebagai contoh, sijil akan meliputi bilik dan katil selama 30 hari maksima untuk kemasukan ke hospital.

- **Takaful Bersama**

Takaful bersama adalah amaun yang perlu dibayar oleh peserta sebelum Pengendali Takaful membayar jumlah baki untuk kemasukan, lawatan atau perkhidmatan hospital tertentu. Ia adalah peratusan tetap jumlah yang ditanggung atau kuantum tetap seperti yang dinyatakan dalam sijil. Jumlah Takaful bersama perlu dibayar setiap kali tuntutan dibuat oleh orang yang dilindungi.

Peratusan Takaful bersama mungkin berbeza dari satu Pengendali ke Pengendali yang lain tetapi Bank Negara Malaysia juga meletakkan had pada peratusan Takaful bersama yang dikenakan oleh Pengendali.

Sebagai contoh:

En. Ahmad dimasukkan ke hospital selama 12 hari dan jumlah keseluruhan tuntutan ialah RM12,000. Pengendali Takaful telah menetapkan pembayaran takaful bersama pada 10% daripada keseluruhan tuntutan.

Semasa keluar dari hospital, En. Ahmad perlu membayar RM 1,200 (iaitu 10% daripada nilai takaful bersama) dan baki sebanyak RM 10,800 akan dijelaskan oleh Pengendali Takaful.

- **Bayaran Bersama**

Bayaran bersama adalah jumlah tetap yang dibayar oleh peserta untuk perkhidmatan perubatan yang dilindungi. Baki selebihnya dilindungi oleh Pengendali Takaful peserta.

Katakan seorang peserta mempunyai pelan perubatan dengan bayaran bersama RM50 untuk mengunjungi doktor penjagaan primer, bayaran bersama RM 150 untuk berjumpa pakar, dan RM80 bayaran bersama untuk ubat generik. Peserta akan membayar jumlah tetap ini untuk perkhidmatan tersebut tanpa mengira kos perkhidmatan sebenarnya. Pengendali Takaful membayar baki yang tinggal ("amaun dilindungi").

Oleh itu, jika lawatan ke doktor endokrinologi (pakar) berharga RM 550, pesakit membayar RM150 Pengendali Takaful membayar baki RM400.

- **Deduktibel**

Deduktibel adalah jumlah tetap yang perlu dibayar oleh peserta terlebih dahulu tanpa mengira jumlah kos manfaat yang layak. Sebagai contoh, jika deduktibel sebanyak RM 1,000 dinyatakan dalam pelan yang dipilih, peserta perlu membayar RM 1,000 pertama daripada jumlah kos manfaat yang layak (tidak termasuk kos bilik dan penginapan harian) dan baki selebihnya akan dibayar oleh Pengendali Takaful mengikut had tahunan.

Hak cipta @ MTA 2022

- **Panel Hospital**

Operator Takaful akan mempunyai senarai hospital yang dilindungi di bawah sijil. Pengendali boleh mengenal pasti dan bekerjasama dengan beberapa hospital yang mungkin menyediakan keperluan.

7.5 KEMASUKAN HOSPITAL "TANPA TUNAI"

Dalam kes kemasukan hospital “Tanpa Tunai”, kemasukan peserta ke hospital panel biasanya dipermudahkan dengan pengeluaran surat jaminan. Ini akan mengetepikan keperluan untuk membayar deposit hospital sebelum kemasukan. Semasa keluar dari hospital, peserta tidak perlu menyelesaikan bil dengan hospital. Semua manfaat yang layak akan dibayar oleh Pengendali Takaful. Pengendali Takaful biasanya diwakili oleh pentadbir pihak ketiga(TPA), yang menyelaraskan isu pelepasan dengan hospital dan membayar bil. Penuntut hanya perlu membayar caj yang tidak boleh dibayar balik selepas keluar dari hospital.

Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa pengaturan kemasukan hospital "tanpa tunai" biasanya tidak berkontrak melainkan dinyatakan secara khusus dalam kontrak Takaful. Biasanya, ia hanyalah perkhidmatan nilai tambah yang disediakan oleh Pengendali Takaful kepada pemilik sijil tertentu yang layak.

7.5.1 Pentadbir pihak ketiga (TPA)

Pentadbir Pihak Ketiga adalah wakil Pengendali Takaful yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan tuntutan pembayaran balik serta tuntutan tanpa tunai. Pentadbir Pihak Ketiga juga bertanggungjawab memproses permintaan penuntut untuk perkhidmatan tanpa tunai. Fungsi pentadbir pihak ketiga ditunjukkan dalam Jadual 7.3.

Jadual 7.3: Fungsi pentadbir pihak ketiga

FUNGSI	PERKHIDMATAN
PERKHIDMATAN TANPA TUNAI	Perkhidmatan Tanpa Tunai memastikan bahawa jika peserta dimasukkan ke hospital yang tersenai oleh Pengendali Takaful, bil tersebut dibayar terus oleh Pengendali Takaful dan peserta tidak perlu membuat bayaran pendahuluan
PENYELESAIAN TUNTUTAN	Pentadbir pihak ketiga akan menguruskan tuntutan - dari masa tuntutan dimulakan sehingga menasihati pelanggan mengenai hospital rangkaian, meluluskan tuntutan tanpa tunai dan pembayaran balik, dan akhirnya membayar tuntutan kepada pelanggan.
MENGEKALKAN PANGKALAN DATA	Setelah sijil telah dikeluarkan, semua rekod diserahkan kepada pentadbir pihak ketiga. Semua komunikasi lanjut peserta akan diuruskan oleh pentadbir pihak ketiga dan bukan oleh Pengendali Takaful. Adalah menjadi tanggungjawab pentadbir pihak ketiga untuk mengekalkan pangkalan data peserta dan kad perubatan untuk tujuan pengurusan.

Hak cipta @ MTA 2022

7.6 STANDARD MINIMUM PENDEDAHAN PRODUK DAN KETELUSAN DALAM PEMASARAN PELAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

Dalam menangani beberapa cabaran utama, pengawal selia telah mengeluarkan Garis Panduan Urusniaga Perubatan dan Kesihatan, dan Garis Panduan Ketelusan dan Pendedahan Produk dalam pemasaran produk perubatan dan kesihatan untuk mengurangkan salah penjualan dan salah nyata kepada pengguna. Garis Panduan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual 8 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) mengenai 'Keperluan Pendedahan'

Piawaian minimum menetapkan keperluan pendedahan yang mesti dipatuhi oleh semua Pengendali Takaful dan ciri-ciri utama standard adalah seperti berikut:

1. Piawaian ini boleh digunakan untuk semua jenis pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan individu termasuk rider yang disertakan dengan pelan keluarga individu.

2. Bagi pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan berkelompok, Pengendali Takaful perlu memastikan pendedahan dibuat kepada pemilik sijil induk.

3. Piawaian ini dipakai kepada semua saluran di mana pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan diedarkan.

4. Keperluan Pendedahan Khusus

Operator Takaful dan perantara mereka mesti menyediakan butiran yang mencukupi mengenai ciri-ciri penting pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada bakal peserta.

a) Maklumat mengenai Pengendali Takaful termasuk nama dan alamat.

b) Penerangan produk untuk menerangkan pelan serta objektif dan tujuan utamanya.

c) Maklumat khusus yang perlu didedahkan mengenai manfaat pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan tertentu termasuklah:-

- Borang dan jumlah manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil;
- Butiran peristiwa, keadaan atau kontingensi di mana manfaat perlu dibayar;
- Pengecualian dan batasan manfaat, syarat-syarat yang sedia ada, penyakit tertentu dan tempoh kelayakan; Dan
- Kadar sumbangan.

5. Pendedahan penting yang lain mengenai pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan adalah seperti berikut:-

- Peserta diberi "tempoh percubaan/tempoh tenggang" selama 15 hari dari tarikh penghantaran sijil untuk menyemak kesesuaian pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan yang baru disertai. Perlu ditegaskan bahawa peserta boleh kembalikan sijil dan potongan perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan akan dibuat kepada sumbangan jika sijil dipulangkan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh tersebut;

- Sebagai contoh, peruntukan perkongsian kos tidak wajib dan jika berkenaan, hendaklah dihadkan kepada bahagian bawah 20% (tidak termasuk deduktibel) atau RM3,000 (termasuk deduktibel) pada

Hak cipta @ MTA 2022

setiap tuntutan, dan tidak wajib.

- Implikasi yang mungkin bila bertukar daripada satu jenis pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan kepada yang lain atau daripada satu Pengendali kepada yang lain; dan

- Senarai semak yang mengesahan bahawa perantara telah dengan jelas menerangkan aspek penting produk kepada pencadang.

7.7 TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN BERKELOMPOK

Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan berkelompok adalah serupa dengan pelan perubatan dan kesihatan individu. Manfaat, hak dan kewajipan peserta terkandung dalam sijil induk. Ia biasanya merupakan perlindungan yang ditaja oleh majikan untuk pemilik perniagaan, pekerja dan tanggungan mereka, sebagai sebahagian daripada pakej pendapatan pekerja. Semua pekerja atau ahli (persatuan atau kelab) yang layak boleh dilindungi dan sumbangan adalah berdasarkan:

- saiz kumpulan,


- ciri-ciri seperti kelas pekerjaan, linkungan umur purata, pengalaman tuntutan dan keuntungan keseluruhan akaun, dan

- sama ada perkhidmatan pentadbir pihak ketiga digunakan, dalam hal ini, bayaran tambahan akan dikenakan.

Pelan takaful perubatan dan kesihatan berkelompok mungkin atas dasar menyumbang atau bukan menyumbang. Pelan bukan menyumbang meliputi semua pekerja atau ahli yang layak di mana sumbangan dibayar oleh pemilik sijil kumpulan atau majikan. Pelan menyumbang memerlukan penyertaan sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus (75%) ahli kumpulan yang layak, di mana sumbangan boleh disubsidi sebahagiannya atau disumbangkan sepenuhnya oleh ahli atau pekerja.

Pengendali Takaful bertanggungjawab kepada peserta di bawah sijil berkelompok walaupun pemilik sijil berkelompok tidak mempunyai kepentingan takaful yang dibenarkan dalam kehidupan peserta tersebut dan jika peserta tersebut telah membayar sumbangan kepada pemilik polisi berkelompok tanpa mengira sama ada Pengendali Takaful belum menerima sumbangan daripada pemilik sijil berkelompok.

Hak cipta @ MTA 2022



Rajah 7.2: Ringkasan perkara penting bagi Takaful Perubatan dan Kesihatan

7.8 PEMBAHARUAN TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN

Syarat pembaharuan mungkin berbeza dari satu pelan Takaful ke pelan yang lain.

Secara amnya, terdapat empat (4) pilihan pembaharuan yang boleh diamalkan dalam pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan . Pilihan ini diterangkan dalam Jadual 7.4 di bawah.

Jadual 7.4 : Jenis Pilihan Pembaharuan Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan

Pilihan Pembaharuan	Keterangan
Tidak Boleh Dibatalkan dan Dijamin Boleh Diperbaharui	Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan yang tidak boleh dibatalkan dan dijamin boleh diperbaharui bermakna sijil tidak boleh dibatalkan, dan peruntukan kontrak tidak boleh diubah tanpa persetujuan peserta. Di samping itu, sumbangan tidak boleh diubah selagi peserta terus membayar sumbangan.
Dijamin Boleh Diperbaharui	Selagi caruman dibayar pada sijil, Pengendali Takaful wajib memperbaharui sijil (jika had seumur hidup tidak melebihi). Walau bagaimanapun, Pengendali Takaful boleh menaikkan sumbangan selagi perubahan itu memberi kesan kepada seluruh kelas peserta dan tidak memilih mana-mana individu. Dalam jangka masa panjang, sijil yang dijamin boleh diperbaharui walaupun lebih mahal adalah pilihan yang lebih selamat.
Boleh Diperbaharui Secara Bersyarat	Kontrak yang menyatakan bahawa sijil itu boleh diperbaharui di bawah syarat-syarat tertentu seperti yang ditakrifkan dalam kontrak.

Hak cipta @ MTA 2022

Boleh Diperbaharui secara pilihan	Jenis peruntukan pembaharuan keempat dan terakhir menawarkan keselamatan paling sedikit untuk peserta dan mempunyai kugunaan yang sedikit dalam liputan perubatan dan kesihatan moden. Ia dikenali sebagai liputan yang boleh diperbaharui secara pilihan. Di bawah peruntukan yang boleh diperbaharui secara pilihan, sumbangan boleh ditingkatkan, dan faedah diubah suai berdasarkan kelas. Operator Takaful boleh memperbaharui atau tidak memperbaharui sijil mengikut budi bicaranya pada tarikh ulang tahun sijil; pembatalan pertengahan penggal tidak dibenarkan di bawah sijil jenis ini.

7.9 PEMBAYARAN SUMBANGAN

Pembayaran sumbangan bergantung kepada jenis sijil. Sesetengah sijil dikeluarkan berdasarkan "tunai sebelum perlindungan", manakala sijil lain mungkin tertakluk kepada jaminan sumbangan 60 hari.

Tempoh tangguh mungkin dibenarkan dalam kes sijil yang dijamin boleh diperbaharui, sijil pembaharuan bersyarat dan sijil yang tidak boleh dibatalkan, untuk memberi kemudahan kepada pemilik sijil untuk membuat pembayaran. Walau bagaimanapun, sebarang tuntutan yang berlaku semasa tempoh tangguh tidak akan dibayar walaupun Pengendali Takaful tidak akan menganggap sijil tersebut luput. Sijil hanya akan dianggap luput jika sumbangan dibuat sebelum akhir tempoh tangguh.

Hak cipta @ MTA 2022

BAB 7	SOALAN PENILAIAN

1. Sijil Indemniti (di bawah Takaful Perubatan dan Kesihatan) adalah satu yang

A. Membayar balik peserta untuk perbelanjaan perubatan berkaitan yang ditanggung.
B. Membayar balik peserta untuk penyakit kritikal sahaja.
C. Membayar balik peserta untuk kematian di bawah pelan pendidikan.
D. Membayar balik peserta untuk TPD yang disebabkan oleh kemalangan sahaja.

2. Pilih satu kenyataan di bawah yang SALAH tentang Sijil Manfaat (di bawah Takaful Perubatan dan Kesihatan)

A. Ia membayar sejumlah wang yang telah ditetapkan jika peristiwa dilindungi berlaku dalam tempoh sijil.
B. Contoh pelan Manfaat ialah pelan Manfaat Tunai Penghospitalan dan Takaful Penyakit Kritikal.
C. Contoh pelan Manfaat ialah Takaful Penyakit Kritikal.
D. Tiada satu pun di atas adalah SALAH.

3. Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya menyediakan pembayaran tuntutan sehingga had yang ditetapkan dalam sijil Takaful. Pilih gabungan di bawah yang BENAR.

I. Had setiap hilang upaya
II. Had tahunan keseluruhan
III. Had seumur hidup
IV. Tiada had

A. I & II
B. I, II & III
C. II, III & IV
D. Semua di atas adalah BENAR

4. Pembayaran tuntutan di bawah Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan tidak menyebabkan sijil ditamatkan kecuali

A. sekiranya berlaku tuntutan kematian.
B. sekiranya Pengendali tidak membayar tuntutan.
C. hospital yang menyediakan perkhidmatan tidak menerima surat jaminan.
D. peserta tidak membayar hospital untuk perbelanjaan yang tidak dilindungi.

Hak cipta @ MTA 2022

